

Headline **Galak pelajar menabung**
Date **02 Jul 2010**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **S30**
Article Size **302 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,661**
PRValue **4,983**



Galak pelajar menabung

**NOOR AINULYAKIN
MOHAMAD ISHAK**

SUNGAI BULOH – Sebanyak RM77,777.77 berjaya dikumpulkan pelajar Sekolah Menengah Teknik/Vokasional Selangor (SMTVS) dalam masa seminggu sempena menggalakkan warga sekolah membuka akaun simpanan di Lembaga Tabung Haji.

Pengetuannya, Puteh Haron berkata, sejak mula diwawarkan kepada warga sekolah untuk membuka akaun Tabung Haji pada Isnin lalu, justeru sehingga semalam sekolah berjaya mengumpul jumlah tersebut.

Menurutnya, jumlah berkenaan menunjukkan sikap menabung di usia muda memang tertanam dalam diri setiap warga sekolah ini dan memikirkan faedah simpanan mereka untuk masa hadapan.

"Kejayaan berkenaan dapat dicapai setelah mendapat kerjasama daripada Lembaga Tabung Haji sendiri apabila membuat promosi dengan hanya membayar RM2 untuk membuka akaun.

"Ia terbuka kepada semua warga sekolah dan komuniti setempat yang mendapat tahu mengenai promosi berkenaan setelah dihebahkan pihak sekolah," katanya ketika ditemui selepas majlis Kempen Menabung Peringkat Remaja sekolah berkenaan, di sini semalam.

Menurutnya, melalui ak-

Selain itu, tujuan majlis berkenaan diadakan untuk memberi pendekatan kepada pelajar bahawa agensi kerajaan dan swasta boleh membantu mereka dalam kerjaya dan laluan pendidikan ke institut pengajian tinggi awam/swasta.

"Pihak sekolah juga bukan sahaja dapat menggalakkan anak-anak serta masyarakat menabung tetapi dapat melaksanakan Rukun Islam yang kelima bermula seawal umur 16 atau 17 tahun.

"Semuanya bermula daripada ukuran kecil menjadi lebih besar, sedikit menjadi lebih banyak dan kurus menjadi gempal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji Wilayah Persekutuan, Muhammad Hamdan Omar berkata, kempen berkenaan adalah salah satu daripada aktiviti Hari Koperasi, Kerjaya dan Kokurikulum (H3K).

"Justeru, Lembaga Tabung Haji telah memberi keistimewaan apabila permulaan membuka akaun baru hanya sebanyak RM2 sebagai galakan serta sokongan kepada pelajar menabung di Tabung Haji.

"Ia juga adalah salah satu cara yang dapat menyumbang ke arah pembangunan modal insan," katanya.

tiviti itu, pelajar akan didekahkan dengan gerak kerja aktiviti luar bilik darjah sekali gus mengukuh dan menjayakan lagi pengetahuan mereka.

"Selain menonjolkan bakat dan kemahiran dalam bidang kokurikulum dan keusahawanan, pelajar dapat mengetahui kerjaya yang terbuka luas apabila mereka keluar dari alam persekolahan kelak," tambahnya.

Harman berkata, sekolah adalah medium dalam memberikan pengetahuan kepada pelajar perihal pentingnya amalan menabung seawal usia persekolahan.

"Justeru dengan menabung, pelajar bukan sahaja menerapkan nilai berjimat cermat tetapi mereka juga akan terarah untuk menunai ibadah Haji," katanya.



Puteh (kiri) melihat Muhamad Hamdan (tiga kiri) minjanjui gerai pameran pelajar sekolah berkenaan sempena kempen menabung berkenaan